

**UCAPAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR DI MAJLIS PERHIMPUNAN**  
**BULANAN NRE JANUARI**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Datuk Dr. James Dawos Mamit,**

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar;

**Yang Berbahagia Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof,**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Timbalan Ketua Setiausaha;

Yang Berbahagia Dato'-Dato' Ketua-Ketua Pengarah,

Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin sekalian,

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama semua warga NRE membuka tirai Majlis Perhimpunan Bulanan yang pertama bagi tahun 2014. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 kepada semua warga NRE, Jabatan dan Agensi.
  
2. Saya amat gembira melihat kehadiran YBhg. Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Majlis Perhimpunan ini yang mencerminkan keprihatinan dan komitmen kepada tuntutan tugas dan tanggungjawab kita dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat dan negara.
  
3. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan khususnya kepada YBhg. Dato Sri KSU serta seluruh warga NRE dan jabatan serta agensinya atas segala usaha dan komitmen sepanjang tahun 2013 yang telah membantu NRE memperolehi pelbagai kejayaan. Semoga komitmen ini diteruskan pada tahun 2014 dalam merealisasikan visi Kementerian iaitu, "Menerajui Pengurusan Sumber Asli dan Pemuliharaan Alam Sekitar secara Berkekalan".

**Hadirin yang dihormati,**

4. Dalam menangani cabaran yang bakal mendarat untuk Tahun 2014, serta dalam rangka membina kejayaan yang berterusan, kita perlu mengambil iktibar dan pengajaran dari pengalaman yang lalu. Justeru, adalah penting bagi semua warga NRE bagi memastikan Misi, Visi dan Objektif NRE adalah selaras dengan Wawasan Nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
5. Tahun 2013 memperlihatkan banyak kejayaan yang telah dicapai oleh NRE khususnya dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi di bawah amnya. Antaranya ialah kemenangan dalam "FutureGov Awards Malaysia 2013" bagi kategori E-Government untuk e-BMG Permit, penarafan 5 Bintang kepada NRE di bawah Penilaian Sistem Star Rating oleh MAMPU, pengekalan Pensijilan ISO/IEC 27001:2005 Information Security Management System (ISMS) untuk tempoh 2013 hingga 2016 serta berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2008 sehingga tahun 2017.
6. NRE turut berjaya mengekalkan pencapaian empat (4) Bintang Tahun 2013 dalam Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) Jabatan Audit Negara serta meraih semula kedudukan pertama dalam AI bagi tahun 2012. Di samping itu, NRE telah berjaya melaksanakan dua program berkaitan perubahan iklim, iaitu Low Emission Capacity Building (LECB) dan National Corporate Greenhouse Gas (GHG) Reporting Programme for Malaysia (MYCarbon) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) selaras dengan dasar kerajaan yang sentiasa menyokong dan mengamalkan pembangunan lestari. Sesungguhnya, pengiktirafan dan kejayaan yang diperoleh oleh NRE sepanjang tahun 2013 ini adalah atas usaha dan komitmen yang telah disumbangkan oleh warga NRE dan saya berharap agar kecemerlangan tersebut diteruskan pada tahun 2014.

**Hadirin sekalian**

7. Dengan tibanya tahun 2014, marilah kita semua warga NRE bersama-sama pucuk pimpinan berikrar untuk meningkatkan lagi usaha-usaha dalam menangani isu-isu alam sekitar dengan lebih kerap turun ke padang untuk melihat dan merasai sendiri permasalahan-permasalahan yang berkaitan pengurusan sumber asli dan alam sekitar yang dihadapi oleh rakyat. Apabila kita kerap mendampingi rakyat, kita akan lebih memahami permasalahan rakyat dan adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai penjawat awam untuk

memastikan masalah-masalah tersebut diselesaikan melalui kaedah terbaik dan dalam jangka masa yang singkat.

8. Dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, seluruh penjawat awam amnya dan warga NRE khususnya hendaklah merujuk kepada enam prinsip utama yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, iaitu efisien, ketepatan (accuracy), integriti, produktiviti, inovasi dan kreativiti. Ia memerlukan kita sentiasa melakukan transformasi daripada segi pemikiran, sikap dan budaya kerja seiring dengan arus perdana pembangunan negara.

9. Bagi memastikan segala program dan aktiviti yang dirancang bagi tahun 2013 mencapai sasarannya, kita perlulah mempergiatkan lagi penyelarasan antara Kementerian dan jabatan bagi memastikan visi dan misi Kementerian tercapai selaras dengan Konsep 1NRE BEST dan pelaksanaan “National Blue Ocean Strategy”. Sehubungan itu, sempena kehadiran tahun 2014, saya ingin menyeru agar aktiviti penguatkuasaan dapat dipertingkatkan lagi bagi membanteras aktiviti penyeludupan hidupan liar, pemburuan haram, pembalakan haram, pembukaan tanah secara haram dan pembakaran terbuka. Dalam aspek ini, usaha NRE melancarkan Program Cameron Highlands Dreams adalah satu manifestasi kementerian dalam usaha membendung gejala-gejala pembukaan tanah secara haram di Cameron Highlands. Melalui program tersebut, saya berharap agar semua jabatan di bawah NRE dapat berganding bahu dalam menguatkuaskan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dalam memastikan Cameron Highlands kekal sebagai pusat pelancongan tanah tinggi negara yang tersohor.

10. Tahun 2014 juga akan memperlihatkan penglibatan NRE dalam menjayakan Projek Kerjasama Konservasi Giant Panda sempena sambutan Ulang tahun ke-40 Hubungan Diplomatik Malaysia-China. Malaysia akan menerima sepasang panda berikut perjanjian yang telah ditandatangani antara Jabatan PERHILITAN yang mewakili kerajaan Malaysia dan China Wildlife Conservation Association (CWCA), Republik Rakyat China (RRC). Perjanjian tersebut jelas mencerminkan komitmen Malaysia dalam menyokong usaha murni RRC untuk menambah bilangan spesies Giant Panda yang terancam selaras dengan Sasaran Aichi 2010 (Aichi Targets) di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity) yang menyokong usaha konservasi untuk mengelakkan kepupusan sesuatu spesies.

**Hadirin sekalian,**

11. Pada hari ini juga, warga NRE boleh berbangga apabila usaha-usaha pengurusan sumber asli dan alam sekitar yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan-Jabatannya telahpun diabadikan dalam bentuk penerbitan. Saya telah dimohon untuk menyempurnakan majlis pelancaran penerbitan Coffee Table Book (CTB) yang berjudul A Journey Of Love And Friendship. Saya turut berbangga apabila YBhg Dato' KSU sendiri menerajui penerbitan seumpama ini dan menjadi pencetus idea kepada penerbitan Coffee Table Book ini yang merakamkan usaha-usaha dalam menjayakan Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda. Buku ini memperlihatkan kerja-kerja di sebalik tabir dalam pelaksanaan projek nasional tersebut bermula daripada peringkat awal pelaksanaan sehingga pembinaan eksibit khas di Zoo Negara. CTB ini mampu mempromosi dan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi Giant Panda serta hidupan liar tempatan dari segi penyelidikan dan pembangunan. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru agar usaha-usaha penerbitan ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang dan dijadikan sebagai medium bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat di luar sana terhadap peranan NRE.

**Hadirin sekalian,**

12. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2014 kepada semua warga NRE yang meraikannya. Sebagai rakyat Malaysia, kita amat beruntung kerana di negara ini kita hidup dalam suasana aman dan tenteram dan kita berpeluang merayakan pelbagai perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Krismas, Hari Gawai dan juga Kaamatan. Ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik dan inilah kekuatan yang kita ada sebagai satu bangsa Malaysia yang menjadi intipati kepada konsep 1Malaysia.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Alam Sekitar Perubahan Iklim (PASPI), Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Unit Undang-Undang (UUU) yang menjadi hos perhimpunan bulanan kita pada pagi ini. Di harapkan dengan adanya penganjuran majlis-majlis seumpama ini ianya akan terus menyemarakkan semangat 1NRE serta meningkatkan lagi iltizam kita untuk melakukan satu anjakan baru dalam pengurusan sumber asli dan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.